

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/1

Kertas 1

NOV 2021

1 $\frac{1}{4}$ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan objektif*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan*
4. *Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Penggunaan kalkulator saintifik adalah dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

1. Apakah tujuan simpan kira?
 - I Merekodkan dan mengenal pasti semua urusan niaga dalam nilai wang.
 - II Merancang dan mengawal aktiviti perniagaan
 - III Menganalisis rekod perakaunan
 - IV Membekalkan maklumat perakaunan untuk membantu peniaga membuat keputusan dan perancangan.
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C I dan IV
 - D II dan IV

2. Tujuan Penyata Pendapatan disediakan adalah untuk...
 - A Mengetahui untung atau rugi bersih
 - B Mengira ekuiti pemilik dan liabiliti perniagaan
 - C Mengetahui kedudukan kewangan perniagaan
 - D Menunjukkan jumlah aset dan liabiliti perniagaan

3. Siapakah yang menjadi pengguna dalaman penyata kewangan?
 - A Bank
 - B Pelabur
 - C Kerajaan
 - D Pihak pengurusan

4. Pn. Wardah ialah seorang peniaga telah merekodkan perabot peribadi yang telah dibawa masuk ke dalam perniagaan sebagai modal tambahan. Apakah andaian perakaunan yang diamalkan oleh Pn. Wardah?
 - A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Entiti berasingan
 - D Usaha berterusan

5. Apakah item yang akan menambahkan kos belian?
 - I Duti import
 - II Pulangan masuk
 - III Upah atas belian
 - IV Diskaun keluar
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

6. Urus niaga manakah yang akan mengurangkan aset dan mengurangkan ekuiti pemilik?
- A Ambilan barangniaga RM200
 B Membayar kadar bayaran RM400
 C Membeli barang secara kredit RM800.
 D Membawa masuk modal tambahan RM1 000
7. Manakah yang merupakan catatan kontra?
- A Ambilan
 B Hutang ragu
 C Akaun belum terima
 D Susut nilai aset bukan semasa
8. Apakah kegunaan dokumen perniagaan?
- A Asas untuk menyediakan Imbangan Duga
 B Asas perekodan dalam Penyata Kewangan
 C Bukti bertulis bahawa sesuatu urusan telah berlaku
 D Alat perancangan Penyata Kewangan pada masa hadapan.
9. Dokumen di bawah ini diterima oleh Puan Suriyani.

ASAL				No : 02134
INVOIS SURIA BERHAD Lot. 12, Jalan Mawar, 25010 Kuantan, Pahang				
				Tarikh : 8 Julai 2020
Kepada:				
Puan Suriyani				
No 7, Taman Bahagia,				
25160 Kuantan, Pahang				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga sekotak (RM)	Jumlah (RM)
1	Buah manggis	100	50	5 000
Jumlah				5 000
Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja				
Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari				
K & K di K				
Suriyani			Maria	
.....			
Penerima			Pengurus	

Sekiranya bayaran dibuat pada 15 Julai 2020, hitungkan wang yang perlu dibayar oleh Puan Suriyani.

- A RM4750
- B RM4900
- C RM5000
- D RM5250

10 Apakah tujuan penyata akaun dihantar oleh pihak perniagaan kepada pelanggan?

- A Untuk menambahkan akaun bank pelanggan
- B Untuk mengurangkan akaun bank pelanggan
- C Mengingatkan pelanggan tentang jumlah hutang yang perlu dibayar
- D Mengingatkan pelanggan tentang barang yang telah dijual kepadanya

11 Buku catatan pertama juga dikenali sebagai

- A Buku khas
- B Buku utama
- C Buku catatan asal
- D Buku catatan bulanan

12 Pada 5 Jun 2020, Kedai Runcit Dany membeli sebuah van secara kredit bernilai RM52 800 daripada Zaim Motors.

Bagaimanakah urus niaga ini dicatatkan dalam Jurnal Am Kedai Runcit Dany?

A Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 Jan 5	Belian Kenderaan	RM 52 800	RM 52 800

B Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 Jan 5	Belian Zaim Motors	RM 52 800	RM 52 800

C Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 Jan 5	Zaim Motors Kenderaan	RM 52 800	RM 52 800

D Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 Jan 5	Kenderaan Zaim Motors	RM 52 800	RM 52 800

13 Maklumat yang berikut berkaitan Kedai Hamid.

2020		RM
31	Menjelaskan hutang kepada Fuad dengan cek	7 250
	Menerima diskaun	250

Bagaimanakah urus niaga pada 31 Januari 2020 dicatatkan dalam Buku Tunai?

A

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2020		RM	RM	RM			RM	RM	RM
Jan 31	Fuad	250		7 250					

B

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2020		RM	RM	RM			RM	RM	RM
Jan 31	Fuad	250		7 000					

C

Buku Tunai


Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
		RM	RM	RM	2020		RM	RM	RM
					Jan 31	Fuad	250		7 250

D

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
		RM	RM	RM	2020		RM	RM	RM
					Jan 31	Fuad	250		7 000

14. Maklumat berikut berkaitan dengan pembahagian lejar.



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Akaun Nyata	Akaun Nominal
B	Akaun Nominal	Akaun Nyata
C	Lejar Am	Lejar subsidiari
D	Lejar Subsidiari	Lejar Am

15. Maklumat di bawah ini berkaitan Kedai Runcit Mamalin.

Membeli perabot untuk kegunaan perniagaan dengan cek daripada Kedai Perabot Tiga.

Catatan bergu yang tepat ialah

	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
A	Bank	Perabot
B	Perabot	Bank
C	Kedai Perabot Tiga	Perabot
D	Perabot	Kedai Perabot Tiga

16. Maklumat yang berikut diperoleh daripada Sinta Trading.

2020		RM
Jan 1	Baki debit Lejar Belum Terima	2 300
Dis 31	Bayaran oleh akaun belum terima	24 500
	Diskaun diberi	480
	Hutang lapuk	240
	Peruntukan hutang ragu	350
	Baki debit lejar jualan	15 300

Berapakah jualan kredit Sinta Trading?

- A RM 10 780
 B RM 26 220
 C RM 36 780
 D RM 38 220

17. Petikan Imbangan Duga di bawah ini diperoleh daripada buku Fathiah Enterprise.

Imbangan duga pada 30 Jun 2020.

Butir	Debit	Kredit
Belian	5 600	
Akaun belum terima	2 190	
Y	200	
Jualan		10 400

Apakah Y?

- A Ambilan
 B Pinjaman
 C Pulangan Belian
 D Komisen diterima
18. Maklumat yang berikut diperoleh daripada buku Sarimah Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2020.

Inventori 1 Julai 2019	RM	2 600
Inventori 30 Jun 2020		3 200
Belian		14 600
Pulangan keluar		350
Angkutan keluar		660

Berapakah kos jualan?

- A RM 13 560
 B RM 13 650
 C RM 14 000
 D RM 14 310
19. Maklumat berikut di ambil daripada buku perniagaan WYT Trading pada 31 Disember 2020.

	RM
Lengkapan	6 000
Inventori akhir	2 100
Bank	4 250
Insurans prabayar	300
Akaun belum bayar	1 900
Sewa belum bayar	80

Berapakah modal kerja perniagaan tersebut?

- A RM4 670
 B RM4 830
 C RM10 670
 D RM10 830

20. Dalam catatan penutupan, gaji yang dibayar kepada pekerja akan dipindahkan ke

- A Akaun Gaji
- B Akaun Modal
- C Akaun Perdagangan
- D Akaun Untung Rugi

21. Berikut adalah kedudukan baki akaun pada akhir tempoh perakaunan.

	Butir	Baki
I	Insurans prabayar	Debit
II	Gaji belum bayar	Kredit
III	Sewa belum terperoleh	Debit
IV	Faedah belum diterima	Kredit

Catatan yang manakah betul?

- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
22. Jumlah sewa dibayar dalam Imbangan Duga ialah sebanyak RM1 600. Sewa tahunan adalah RM4 200. Berapakah nilai yang akan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Sewa prabayar RM1 600
 - B Sewa prabayar RM2 600
 - C Sewa belum bayar RM1 600
 - D Sewa belum bayar RM2 600
23. Maklumat berikut berkaitan dengan Akaun Belum Terima Encik Johari, pemilik Mega Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2020

Akaun Belum Terima	Tarikh Jualan	Jumlah Jualan (RM)
Tan	1 Januari 2020	850
Sarah	1 Mei 2020	700
Vello	15 Jun 2020	470

Dasar perniagaan menetapkan tempoh kredit sebulan. Sehingga tarikh penutupan akaun, Encik Johari gagal menghubungi Tan, manakala Sarah telah berjanji akan menjelaskan hutangnya pada bulan Julai 2020.

Berapakah hutang lapuk yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020?

- A RM700
- B RM850
- C RM1 550
- D RM2 020

24. Rumus mengira susut nilai aset yang digunakan oleh Syarikat Dinamik Sdn. Bhd. ialah

$$\text{Susut Nilai} = \% \times \text{Nilai Buku aset} \times \text{Tempoh Masa}$$

Apakah kaedah yang digunakan?

- A Garis lurus
 - B Ansuran tetap
 - C Penilaian semula
 - D Baki berkurangan
25. Berikut ialah keratan cek Peniagaan Hanis.

Tarikh	: 10 Februari 2019	
Penerima	: TNB Berhad	
Untuk	: Bil elektrik	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	12 800	00
Deposit	0	00
Jumlah	12 800	00
Cek ini	801	00
Baki	11 999	00
CMBB	231451	

Kerani akaun telah merekod kadar bayaran RM810 dalam Buku Tunai .
Apakah jenis kesilapan yang berlaku ?

- A Kesilapan ketinggalan
 - B Kesilapan komisen
 - C Kesilapan prinsip
 - D Kesilapan amaun
26. Yang manakah menggambarkan keupayaan perniagaan membayar hutang jangka pendek?
- A Margin
 - B Tokokan
 - C Nisbah semasa
 - D Kadar pusing ganti inventori

27. Bagaimanakah untung bersih dikira jika peniaga mempunyai rekod tak lengkap?
- A Modal akhir + Ambilan - Modal awal - Modal tambahan
 B Modal awal - Ambilan + Modal akhir + Modal tambahan
 C Modal awal + Modal tambahan - Modal akhir - Ambilan
 D Modal akhir - Modal awal + Modal tambahan - Ambilan
28. Maklumat berikut diperolehi Perniagaan Batu Embun yang mengamalkan sistem catatan tunggal. Tempoh perakaunan berakhir 31 Julai 2020.

	<u>1 Ogos 2019</u>	<u>31 Julai 2020</u>
	RM	RM
Gaji belum bayar	450	1 200
Gaji sebanyak RM2 350 telah dibayar dengan cek pada 28 Julai 2020.		

Berapakah jumlah gaji bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM1 600
 B RM2 350
 C RM3 100
 D RM4 000
29. Butiran yang manakah **bukan** tujuan kawalan tunai dilaksanakan?
- A Mengelakkan berlakunya kecurian
 B Supaya pentadbiran berjalan lancar
 C Memastikan tunai perniagaan mencukupi
 D Mengurangkan risiko penyelewengan tunai
30. Butiran manakah yang dicatat di Penyata Bank tetapi tidak dicatat di Buku Tunai?
- I Dividen
 II Pindahan kredit
 III Faedah atas simpanan
 IV Cek belum dikemukakan
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

31. Maklumat berikut ialah anggaran pembayaran Kedai Sinar. Pada bulan September, Kedai Sinar membeli mesin bernilai RM20 000 dan membayar 40% pendahuluan. Separuh daripada pendahuluan dibayar menggunakan wang simpanannya. Baki 60% dibayar secara ansuran sebanyak lima kali bermula pada bulan berikutnya. Catatan yang manakah yang betul?

		September RM	Oktober RM
A	Mesin	4 000	1 600
B	Mesin	4 000	3 200
C	Mesin	8 000	1 440
D	Mesin	8 000	2 400

32. Butir manakah yang dicatat di bahagian Ekuiti Pemilik Penyata Kedudukan Kewangan sebuah perkongsian?
- A Untung bersih
B Modal tambahan
C Pinjaman perkongsi
D Akaun Semasa pekongsi
33. Jadual berikut menunjukkan ambilan yang dilakukan oleh rakan kongsi Perkongsian ADNI yang berkongsi untung atau rugi secara sama rata.

Nama	Tarikh Ambilan	
	1 April 2020	1 Julai 2020
	RM	RM
Adnan	1 000	300
Sani	1 800	-

Maklumat tambahan :
Faedah atas ambilan 10% setahun
Tempoh perakaunan 1 Januari 2020 - 31 Disember 2020

Berapakah faedah atas ambilan setiap rakan kongsi?

	Adnan	Sani
A	180	130
B	130	180
C	90	135
D	135	90

34. Kenderaan diambil alih oleh pekongsi semasa pembubaran.
Apakah kesan yang terlibat kesan daripada urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Akaun Kenderaan	Akaun Realisasi
B	Akaun Realisasi	Akaun Kenderaan
C	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
D	Akaun Realisasi	Akaun Modal Pekongsi

35. Persatuan Pengakap Daerah Kuala Muda Yan telah mengubah suai bangunan untuk menampung jumlah ahli yang semakin bertambah. Perkara ini akan direkod sebagai ..
- A Perbelanjaan hasil
 - B Perbelanjaan modal
 - C Perbelanjaan operasi
 - D Perbelanjaan bukan operasi

36. Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Badminton Suria pada 1 Januari 2020.

	RM
Alatan sukan	1 650
Tunai	250
Yuran belum terperoleh	60
Inventori bulu tangkis	36

Berapakah dana terkumpul pada tarikh tersebut?

- A RM1 804
- B RM1 876
- C RM1 924
- D RM1 996

37. Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Belia Taman Permai.

<u>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 (Petikan)</u>	
	RM
Dana terkumpul awal	20 514
M	2 109
Dana terkumpul akhir	18 405

Apakah **M**

- A Lebihan
 B Kurangan
 C Rugi bersih
 D Untung bersih
38. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Kembar.

	RM
Kos bahan langsung	18 700
Kos buruh langsung	48 100
Kos overhead	51 200
Kerja dalam proses awal	5 010
Kerja dalam proses akhir	6 250

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM106 740
 B RM116 760
 C RM119 240
 D RM129 260
39. Kos overhead sebuah kilang ialah gaji...
- A penyelia pejabat
 B pengurus kilang
 C operator pengeluaran
 D pengawal keselamatan
40. Maklumat berikut diperolehi daripada kilang Lina.

Titik pulang modal	500 unit
Kos tetap	RM1 000
Kos berubah	RM3 seunit

Berapakah harga jualan seunit ?

- A RM6.00
 B RM5.00
 C RM3.50
 D RM1.50

KERTAS SOALAN TAMAT